

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

SEKSYEN PERUNDINGAN DAN INOVASI

Nurain Aziman

Pusat Pengajian Teknologi Industri,
Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Dalam era digital yang pesat berubah ini, keperluan untuk kekal relevan dan berdaya saing menjadikan perundingan dan inovasi sebagai dua elemen penting dalam strategi sesebuah organisasi. Menyedari hakikat ini, penubuhan **Seksyen Perundingan dan Inovasi** bukan sahaja berfungsi sebagai unit sokongan, tetapi sebagai pemacu utama transformasi dalaman dan luaran organisasi.

Seksyen ini memainkan peranan strategik dalam **menjalin kerjasama dan perundingan** dengan pihak industri, agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi menambah nilai perkhidmatan serta mewujudkan peluang kolaboratif, serta **menggalakkan budaya inovasi dalaman** melalui penganjuran bengkel, sesi libat urus, dan platform idea terbuka untuk warga.

Antara tanggungjawab Seksyen Perundingan dan Inovasi adalah:

- Merekodkan penyertaan dan pencapaian di manamana pertandingan inovasi yang disertai oleh warga kampus.
- Mengurus dan memberikan khidmat nasihat di dalam urusan inovasi, perundingan dan pengkomersilan produk di peringkat UiTM CNS.
- Merekodkan dan mengemaskini bilangan item atau produk yang dipatenkan dan IPR lain oleh staf UiTM CNS.
- Merekodkan dan mengemaskini bilangan produk/perkhidmatan yang berjaya dikomersilkan oleh staf UiTM CNS.
- Merangka dan melaksanakan rogram/bengkel/simposium /pertandingan berkaitan perundingan/inovasi mengikut kesesuaian dan keperluan.
- Bertanggungjawab di dalam proses pengumpulan data bagi pelaporan MyRA UiTM CNS dan pelaporan lain yang diperlukan daripada semasa ke semasa.

Cabaran utama adalah memastikan semua lapisan organisasi menerima perubahan dengan terbuka dan bersedia keluar dari zon selesa. Seksyen ini komited untuk memimpin perubahan ini dengan pendekatan inklusif, berpaksikan data dan berpandukan hasil. Akhirnya, Seksyen Perundingan dan Inovasi berazam untuk menjadi pencetus kepada perubahan positif yang berterusan, dengan menjadikan inovasi sebagai budaya dan bukan sekadar projek.



Gambar 1: Carta Organisasi Seksyen Perundingan dan Inovasi, PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan.